



*Sila nyatakan bilangan surat kami
apabila menjawab*

Ruj. Kami : Bil (**6**) dlm. PTDK 2/09/2023 Jld 3
Tarikh : **29** Julai 2025

Semua Ketua Jabatan Negeri / Persekutuan
Semua Ketua Pengurusan Badan-Badan Berkanun
Semua Pengerusi
Pertubuhan / Perkumpulan / Persatuan / Kelab dan Badan-Badan Sukarela
Semua Pengurus Institusi Kewangan
Semua Pengusaha Industri

Y.B Dato'/ Yang Berhormat/ Tuan/ Puan,

**MAKLUMAN PENYERTAAN DI MAJLIS PERBARISAN DAN PERARAKAN
SEMPENA SAMBUTAN HARI KEBANGSAAN PERINGKAT DAERAH KLUANG
TAHUN 2025**

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara yang tersebut di atas.

2. Untuk makluman Y.B Dato'/ Yang Berhormat/ Tuan/ Puan, Sambutan Hari Kebangsaan Peringkat Daerah Kluang akan diadakan pada **31 Ogos 2025 (Ahad)** dan Tema Sambutan Hari Kebangsaan Tahun 2025 ialah **'MALAYSIA MADANI : RAKYAT DISANTUNI'**

3. Bersempena sambutan tersebut, akan diadakan acara perarakan kontinjen dan sepanduk dengan penglibatan mengikut kategori seperti berikut :

- 3.1 Pewaris Kemerdekaan
- 3.2 Sekolah Rendah
- 3.3 Sekolah Menengah/ Institut Pengajian Tinggi
- 3.4 Jabatan Kerajaan/ Badan Berkanun
- 3.5 Syarikat Swasta/ Badan Bukan Kerajaan
- 3.6 Mukim/ Komuniti

4. Justeru itu, semua jabatan Kerajaan Negeri dan Persekutuan, Badan Berkanun Negeri/ Persekutuan, persatuan, kelab, pertubuhan, badan sukarela, sekolah-sekolah, institusi pendidikan, institusi kewangan dan lain-lain adalah diminta untuk mengambil bahagian dan menghantar peserta ke majlis ini.

2/.....

"PROGRESIF, KREATIF DAN BERINTEGRITI"



(2)

5. Sebagai persediaan awal, disertakan borang penyertaan pertandingan untuk tindakan dan perhatian Y.B Dato'/ Yang Berhormat/ Tuan/ Puan. Sebarang makluman terkini berkaitan majlis tersebut akan dimaklumkan dari masa ke semasa.

6. Semoga perkara tersebut mendapat perhatian dan makluman awal pihak Y.B Dato'/ Yang Berhormat/ Tuan/ Puan bagi kelancaran majlis sambutan ini.

7. Kerjasama Y.B Dato/ Yang Berhormat/ Tuan/ Puan dalam perkara ini amatlah diharapkan dan diucapkan terima kasih.

Sekian.

' BERKHIDMAT UNTUK NEGARA '

Saya yang menjalankan amanah



(MUSTAFA KAMAL BIN ABDULLAH)

Pentadbir Tanah Kluang

merangkap

Pengerusi Jawatankuasa Kecil Majlis Perhimpunan Dan Perarakan
Sempena Hari Kebangsaan Peringkat Daerah Kluang Tahun 2025

sk : Pegawai Daerah Kluang

MKA/mr/HariKemerdekaan

**ATURCARA
MAJLIS PERBARISAN DAN PERARAKAN
HARI KEBANGSAAN PERINGKAT DAERAH KLUANG TAHUN 2025**

- 6.30 pagi : Semua peserta mengambil tempat
- 7.30 pagi : Ketibaan Dif-Dif jemputan
- 7.50 pagi : Ketibaan Yang Berbahagia Pegawai Daerah Kluang
- 8.00 pagi : Ketibaan Wakil Rasmi Y.A.B Menteri Besar Johor diiringi oleh Dif-Dif Jemputan mengambil tempat di atas pentas lintas hormat
 - : Persembahan Selamat Datang oleh Majlis Kebudayaan Daerah Kluang
 - : Lintas Hormat Kontinjen Perbarisan
 - : Wakil Rasmi Y.A.B Menteri Besar Johor beredar ke pentas utama diiringi Yang Berbahagia Pegawai Daerah Kluang serta dif-dif jemputan
 - : Lagu Bangsa Johor
 - : Upacara Menaikkan Bendera Jalur Gemilang oleh dua (2) orang Anggota Tentera diiringi Lagu Negaraku oleh Kumpulan koir dan diikuti Lagu Tema Hari Kebangsaan
 - : Bacaan Doa oleh Kadi Daerah Kluang
 - : Lafaz Ikrar Hari Kebangsaan
 - : Persembahan
 - : Amanat oleh Y.A.B Menteri Besar Johor
 - : Gimik Khas Hari Kebangsaan
 - : Majlis Penyampaian Hadiah Pertandingan
 - : Nyanyian Lagu Negara Ku, Jalur Gemilang dan Tanggal 31 Ogos
 - : Majlis Bersurai

**SYARAT PERTANDINGAN SEPANDUK DAN PERARAKAN
SAMBUTAN HARI KEBANGSAAN PERINGKAT DAERAH KLUANG TAHUN 2025**

1.0 TUJUAN

- 1.1 Menggalakkan penyertaan setiap pasukan dalam perarakan Hari Kebangsaan.
- 1.2 Meningkatkan semangat kemerdekaan dan perpaduan dalam setiap pasukan.
- 1.3 Memberi peluang kepada setiap pasukan menonjolkan imej pasukan masing-masing.

2.0 MASA DAN TEMPAT

Tarikh : 31 Ogos 2025 (Ahad)
Masa : 6.00 - 8.00 pagi
Cadangan Tempat : Jalan Pejabat Kerajaan 2, Kluang

3.0 KATEGORI PENYERTAAN

- 3.1 Pertandingan ini terbuka kepada semua Jabatan Kerajaan Negeri/Persekutuan, Badan Berkanun Negeri/Persekutuan, persatuan, kelab, pertubuhan, badan sukarela, sekolah, institusi pendidikan, institusi kewangan, syarikat swasta yang mengambil bahagian dalam Majlis Perhimpunan dan Perarakan Hari Kebangsaan Peringkat Daerah Kluang Tahun 2025.

3.2 Bagi pertandingan sepanduk, dibahagikan kepada empat (4) kategori kumpulan iaitu :

3.2.1 Sekolah Menengah/ Institut Pengajian Tinggi

3.2.2 Jabatan Kerajaan/ Badan Berkanun

3.2.3 Syarikat Swasta/ Badan Bukan Kerajaan

3.2.4 Mukim/ Komuniti

3.3 Bagi pertandingan perarakan, dibahagikan kepada enam (6) kategori kumpulan iaitu :

3.2.1 Pewaris Kemerdekaan

3.2.2 Sekolah Rendah

3.2.3 Sekolah Menengah/ Institut Pengajian Tinggi

3.2.4 Jabatan Kerajaan/ Badan Berkanun

3.2.5 Syarikat Swasta/ Badan Bukan Kerajaan

3.2.6 Mukim/ Komuniti

4.0 TATACARA DAN SYARAT PERTANDINGAN

4.1 PERTANDINGAN SEPANDUK

4.1.1 Setiap pasukan dikehendaki mempamerkan sepanduk masing-masing mulai jam 7.00 hingga 8.00 pagi di tempat perhimpunan

4.1.2 Sepanduk yang dibuat hendaklah mengikut spesifikasi dan mempunyai elemen-elemen wajib yang telah ditetapkan iaitu :

a) Ukuran papan sepanduk = 3' x 6'

b) Ukuran tiang sepanduk = 9'

c) Bahan yang digunakan mestilah yang kukuh, **kain atau kain plastik tidak dibenarkan**

d) Pemilihan warna adalah bebas


e) Elemen-elemen berikut perlulah terdapat di atas sepanduk tersebut

- Logo Hari Merdeka
- Tema Hari Merdeka
- Nama Pasukan/Jabatan yang berkenaan

f) Cetakan menggunakan komputer tidak akan diambil kira di dalam markah kreativiti.

4.1.3 Pengadilkan sepanduk adalah berdasarkan :

- Penggunaan bahan dan elemen-elemen wajib
- Kreativiti dan kekemasan.
- Mesej atau motif dan imej yang disampaikan.
- Penggunaan warna dan tulisan menarik.



4.2 PERTANDINGAN PERARAKAN

- 4.2.1 Setiap pasukan dikehendaki berada dan berbaris di dalam kumpulan masing-masing sebelum jam 7.00 pagi.
- 4.2.2 Jumlah minima anggota perbarisan adalah seramai 33 orang termasuk ketua perbarisan kumpulan, pembawa bendera dan pembawa papan tanda (jika ada). **Pengecualian minima 27 orang bagi kontinjen yang terlibat secara langsung dengan tugas persiapan Hari Kebangsaan.**
- 4.2.3 Pengadilan perbarisan adalah berdasarkan :
- a) Imej, kreativiti dan keunikan pakaian
 - b) Kekemasan dan tatatertib perbarisan
 - c) Kesungguhan penyertaan dan penglibatan anggota kumpulan.

5.0 LOGO DAN TEMA SAMBUTAN HARI KEBANGSAAN TAHUN 2025



6.0 HADIAH

- 6.1 Hadiah-hadiah untuk setiap kategori yang dipertandingkan adalah tertakluk kepada keputusan Jawatankuasa Induk Sambutan Hari Kebangsaan Peringkat Daerah Kluang.



Kategori Pewaris Kemerdekaan (Perarakan)



**Kategori Sekolah Rendah
Kategori Sekolah Menengah/ Institut Pengajian Tinggi
Kategori Jabatan Kerajaan/ Badan Berkanun
Kategori Syarikat Swasta/ Badan Bukan Kerajaan
Kategori Mukim/ Komuniti
(Sepanduk dan Perarakan)**



Pakaian Terbaik

- 6.2 Walau bagaimanapun, bentuk hadiah tersebut adalah tertakluk kepada keputusan Jawatankuasa Induk Sambutan Hari Kebangsaan Peringkat Daerah Kluang.

Pengerusi,
Jawatankuasa Kecil Majlis Perhimpunan dan Perarakan
Sempena Hari Kebangsaan Peringkat Daerah Kluang Tahun 2025

BORANG BUTIRAN PENYERTAAN(Sila kembalikan **dengan kadar segera**)

Nama dan Alamat penuh Jabatan / Badan Berkanun /
Pertubuhan / Persatuan dll

Tarikh :

Kepada :

Pengerusi Jawatankuasa Kecil Majlis Perhimpunan Dan Perarakan
Sempena Hari Kebangsaan Peringkat Daerah Kluang Tahun 2025
d/a Pejabat Tanah Kluang
86000 KLUANG

Email : masrah@johor.gov.my
No. Wassap Pej : 011-40018130

Tuan,

Dengan segala hormatnya merujuk kepada perkara di atas, sukacita dimaklumkan bahawa pihak kami akan menyertai Majlis Perhimpunan dan Perarakan Hari Kebangsaan TPeringkat Daerah Kluang ahun 2025 sebagaimana butiran berikut :

☐
Kontinjen Perhimpunan **Statik** seramai orang.

Nama Ketua Kontinjen :

No. Telefon Bimbit :

☐
Kontinjen **Perarakan** seramai orang.
☐
Kontinjen **Aset** Nama Ketua Kontinjen :

No. Telefon Bimbit :

Butiran Aset : Motor

Kereta

Jentera

Bilangan

Bilangan

Bilangan

(Tandatangan)

Ketua Kontinjen / Pengurus Pasukan /
Pengerusi Pertubuhan , Persatuan dll.